

# **ISU KAFIR-MENGKAFIR DAN IMPLIKASINYA DALAM PERKEMBANGAN POLITIK DAN SOSIAL MASYARAKAT MELAYU**

Oleh:

Ahmad Zaki Hj Abd. Latiff

## **Abstract**

*This article attempts to explain the origin of the word 'takfir' as stated in the Qur'an and how it is related to the act of infidel accusation which arose within the Islamic society resulting from the existence of 'al-khawarij' and 'al-takfir wa al-hijrah' sects. The ulama prohibit the act of 'infidel accusation' among the ummah since it involves the 'aqidah', which instigates disunity. In the history of Malay society, the "infidel accusation", which has caused social, political and "dakwah" disunity, is normally associated with extreme approaches in pursuing political and religious objectives. The article suggests a moderate approach based on Islamic dakwah formula as adopted by some famous Islamic scholars such as Hasan al-Banna, Yusuf al-Qaradāwi and Abūl Hassan 'Alī al-Nadwī to maintain Muslim unity.*

## **PENGENALAN**

Isu takfir adalah antara isu keagamaan yang sentiasa hangat diperdebatkan di kalangan masyarakat Melayu, terutamanya pada musim pilihan raya. Isu berkenaan dikatakan sebagai punca utama berlakunya perpecahan masyarakat Melayu. Takfir atau lebih dikenali dalam masyarakat Melayu dengan istilah kafir-mengkafir sebenarnya adalah persoalan hukum yang amat berkait rapat dengan persoalan aqidah. Dalam perspektif sejarah Islam klasik aliran, takfir lazimnya dikaitkan dengan tindakan ekstrem golongan al-Khawārij yang mengkafirkhan para sahabat dan membunuh khalifah 'Ali bin Abi Talib (kw) kerana dianggap tidak berhukum dengan

hukum Allah dan juga mengkafirkan sesiapa yang tidak sependirian dengan mereka dalam kes ‘tahkim’ dalam peperangan Siffin.<sup>1</sup> Isu takfir diheret ke gelanggang politik oleh golongan al-Khawārij yang jelas mempunyai motif politik sejak awal tercetus *firqah* tersebut. Motif politik mereka adalah untuk mendapat sokongan masyarakat Islam ketika itu dalam usaha mereka menentang kerajaan yang sah yang dipimpin oleh Saidina ‘Ali (kw). Tindakan tersebut menyebabkan kekuatan umat Islam berpecah-belah dan berpuak-puak. Sebagai reaksi pengkafiran terhadap ‘Ali (kw), lahir pula aliran ekstrem lain iaitu Syiah *ghulāh* yang menuhankan ‘Ali (kw).

Dalam sejarah gerakan Islam moden pula, isu takfir dianggap sebagai suatu pendekatan gerakan aliran ‘radikal-ekstrem’ yang menilai segala sesuatu menurut pendekatan dikotomi yakni menghukum secara ‘hitam-putih’ atau ‘Islam-Jahiliyah’ atau ‘Islam-Kafir’. Fenomena ini dapat disaksikan melalui penggunaan istilah-istilah tertentu seperti *tāghūt*, kafir, syirik, jahiliyah, zalim dan Fir‘aun terhadap gejala maksiat, mungkar, terutamanya unsur-unsur modenisme seperti sekularisme, nasionalisme, kapitalisme dan seumpamanya.<sup>2</sup> Fenomena tersebut amat ketara berlaku di kalangan pendakwah yang tergesa-gesa atau gopoh dalam pendekatan dakwah dan mengambil jalan mudah atau jalan pintas mengkafirkan orang lain sehingga sanggup melanggari batas-batas ilmu dan akhirnya pendekatan takfir tersebut menjadi senjata kepada musuh dakwah menuduh para pendakwah dan aktivis gerakan Islam sebagai ekstrem, pelampau dan fanatik.

## ISTILAH TAKFIR

Dalam al-Qur'an istilah takfir berasal daripada perkataan ‘kaffara’ yang bererti

<sup>1</sup> Peperangan Siffin berlaku sesama umat Islam pada tahun 38H iaitu antara tentera yang dipimpin oleh Saidina ‘Ali bin Abi Talib (kw) dengan tentera yang dipimpin oleh Mu‘awiyah bin Abu Sufyan (r.‘a). Peperangan ini berakhir dengan peristiwa yang dikenali dengan ‘tahkim’ apabila Mu‘awiyah (r.‘a) memohon perdamaian. Implikasinya berlaku perpecahan di kalangan tentera Saidina ‘Ali (kw) seterusnya melahirkan *firqah* seperti *Khawarij*, *Syi‘ah* dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Golongan Khawarij dipanggil ‘*Hukmiyyah*’ kerana enggan menerima keputusan tahkim itu. Mereka juga dikenali dengan ‘*Haruriyyah*’ dinisbahkan kepada khemah mereka di Harurah dan mereka juga digelar sebagai ‘*Shurah*’ kerana mengkafirkan semua orang yang menentang mereka. Untuk keterangan lanjut tentang asal usul Khawarij, lihat Mahayudin Haji Yahaya (1984), *The Origins of the Khawarij*, Subang Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd, h. 93-151.

<sup>2</sup> Lihat Abdul Rahman Abdullah (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 266-267.

‘menutup’ dan keseluruhan penggunaan istilah tersebut merujuk kepada sesuatu amalan yang bertujuan menutup dosa dengan melakukan amalan soleh.<sup>3</sup> Manakala istilah kufur yang tersebut dalam al-Qur'an dan Hadith mengandungi dua makna; pertama ialah kekufturan yang paling besar yakni bantahan atau sengaja berdegil untuk tidak mahu beriman dengan syariat yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad (s.‘a.w), sama ada keseluruhannya ataupun sebahagian daripada hukum-hakam agama yang wajib diketahui oleh setiap individu Muslim. Golongan seperti ini jelas terkeluar daripada agamanya (murtad). Sementara itu, pengertian yang kedua pula ialah kekufturan kecil yakni kekufturan yang merangkumi semua aspek kesalahan mahupun tegahan. Status golongan ini adalah fasik atau golongan yang berdosa. Mereka diberi amaran keras dengan dimasukkan ke dalam Neraka buat beberapa waktu dan kedudukan mereka tidak kekal dalamnya dan golongan ini juga tidaklah terkeluar daripada agama (murtad).<sup>4</sup>

Takfir dengan maksud tuduhan ‘Kafir-Mengkafir’ sesama umat Islam tidak pernah berlaku kecuali selepas kewafatan Baginda Rasulullah (s.‘a.w). Saidina Abu Bakr al-Siddiq (r.‘a) mengkafirkkan golongan yang enggan memberi zakat dan golongan yang mengaku Nabi (palsu). Abu Bakr al-Siddiq (r.‘a) mengisyiharkan perang habis-habisan terhadap gerakan mereka yang dikenali dalam sejarah Islam sebagai gerakan ‘*riddah*.’ Gerakan takfir demikian pada mulanya dibantah oleh Saidina ‘Umar (r.‘a) kerana tidak pernah dilakukan oleh Baginda Rasulullah (s.‘a.w). Abu Bakr (r.‘a) bertindak berdasarkan sebuah Hadith (riwayat Ibn Umar r.‘a) yang membenarkan tindakan demikian berdasarkan kepada alasan yang benar kerana sememangnya golongan yang ditakfir itu benar-benar terkeluar daripada agama kerana membantah satu kewajipan syarak (zakat).<sup>5</sup> Fenomena takfir muncul kembali dalam bentuk baru dengan lahirnya golongan al-Khawārij sebagaimana yang tersebut di atas. Namun demikian, takfir kali ini dianggap takfir yang batil kerana menuduh golongan yang tidak pasti kekafiran mereka. Fenomena takfir dengan maksud tuduhan kafir sesama umat Islam sebagaimana yang dilakukan oleh al-Khawārij itu muncul kembali dalam era kebangkitan Islam di Timur Tengah pada dekad 1970-an

<sup>3</sup> Terdapat 14 kali penggunaan istilah ‘*kaffara*’ dalam pelbagai bentuk (kecuali ‘*kaffarat*’ dalam bentuk jamak); empat kali daripadanya digandingkan dengan syarat melakukan amal soleh atau meninggalkan dosa besar; 13 kali dirangkaikan dengan istilah ‘*sayyiat*’ (dosa-dosa kecil). Lihat, M. Quraish Shihab (1992), *Wawasan al-Qur'an*, Bandung: Penerbit Mizan, h. 251-252.

<sup>4</sup> Lihat Yūsuf al-Qaradāwī (1980), *Gejala Kafir-mengkafir: Punca dan Penyelesaiannya* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 58-59.

<sup>5</sup> Lihat Imam Nawawi (1986), *Matan Hadith 40* (Hadith ke-viii, riwayat Bukhari dan Muslim), cet. 3, (ed. Melayu), Kuwait: IIFSO, h. 28-29.

dan 1980-an. Istilah takfir digunakan secara meluas selepas lahirnya golongan yang dikenali sebagai ‘*al-Takfir wa al-Hijrah*.<sup>6</sup>

Takfir adalah perbuatan menuduh atau menghukum seseorang tertentu atau kumpulan tertentu dengan hukuman kafir kerana dianggap berlaku penyelewengan aqidah dan sebab perlenggaran terhadap syariat Islam seperti tidak melaksanakan hukum Allah bila berkuasa<sup>7</sup> atau melantik orang kafir sebagai pemimpin kepada orang mukmin<sup>8</sup> atau perbuatan, perkataan dan *i’tiqād* yang nyata bercanggah dengan Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah.<sup>9</sup> Secara umumnya, perbuatan menuduh kafir seseorang Islam yang tertentu adalah amat dilarang oleh Islam berdasarkan Hadith Nabi (s.a.w) yang bermaksud; “Sesiapa yang memanggil terhadap saudaranya, Wahai Kafir, maka sesungguhnya celakalah yang akan menimpa ke atas salah seorang daripada mereka.”

Sebenarnya, persoalan takfir yang dinyatakan (dengan maksud kufur aqidah) dalam al-Qur'an adalah bersifat umum iaitu tidak menyentuh secara khusus kepada individu atau golongan tertentu. Memang kedapatan ayat al-Qur'an yang menegaskan ciri-ciri kafir dan kufur serta perbuatan yang membawa kepada kekufuran. Hadith-

<sup>6</sup> ‘Al-Takfir wa al-Hijrah’ bererti pengkafiran dan perpindahan. Ia adalah satu organisasi yang lahir pada akhir tahun 1960-an di Mesir. Pada asalnya mereka adalah bekas anggota al-Ikhwan al-Muslimun yang dipenjarakan dan dikenakan hukuman berat yang lama kerana menentang pemerintah Mesir yang mereka dakwa sebagai sekularis. Setelah mereka dibebaskan pada zaman Anwar Sadat, mereka mengambil sikap tidak setuju dengan pendirian sederhana pimpinan al-Ikhwan al-Muslimun berhadapan dengan penindasan yang hebat daripada rejim Nasser di Mesir. Oleh itu, mereka membentuk organisasi sendiri dengan memisahkan kumpulan mereka daripada masyarakat Islam dan mengambil pendirian menghukum kafir golongan dan masyarakat yang tidak sependirian dengan mereka. Pemikiran mereka dikatakan amat terpengaruh dengan pandangan Sayid Qutb melalui kitabnya *Ma’ālim Fi al-Tariq* dan *Fi Zilāl al-Qur’ān*. Namun demikian, Muhammad Qutb berpandangan bahawa mereka sebenarnya telah tersilap dalam menafsirkan maksud sebenar Sayid Qutb, terutamanya berhubung dengan masyarakat jahiliyah, *ḥākimiyah* dan jihad. Lihat lebih lanjut, Ahmad Zaki Hj Abd. Latiff (2003), *Pengaruh Gerakan Islam Timur Tengah Dalam Perkembangan Pemikiran Agama dan Politik Masyarakat Melayu (1971-1998)*, tesis Ph.D, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 132-134.

<sup>7</sup> Berdasarkan al-Qur'an, surah al-Ma''idah: 44.

<sup>8</sup> Berdasarkan ayat al-Qur'an, surah Ali 'Imran: 28.

<sup>9</sup> Lihat, misalnya “contoh-contoh *i’tiqād*, perbuatan dan perkataan yang boleh merosakkan iman seseorang Islam” dlm. Abdullah Basmih (1974), *Mustika Hadith* jil. 1, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

hadith Nabi (s.‘a.w), para sahabat, jumhur ulama salaf dan khalaf melarang tuduhan kafir sesama umat Islam kecuali memang sudah ternyata secara terang-terangan seseorang itu mencanggahi aqidah dan syariat Islam serta tidak boleh lagi ditafsirkan jatuh hukumnya kecuali kafir. Misalnya, menduakan Allah secara nyata, tidak beriman dengan salah satu atau semua rukun-rukun iman dan Islam atau menafikan sebarang kefarduan yang difardukan oleh Allah SWT.

Suatu perkara yang mesti diberi perhatian dalam persoalan tuduhan takfir ini ialah mesti dibezakan antara tuduhan terhadap “golongan” atau tuduhan terhadap “individu”. Misalnya, hukuman pada golongan seperti golongan Komunis sebagai kafir atau pemerintahan yang sekular yang jelas menolak hukum Allah adalah kafir atau barang siapa yang berlafaz dengan kafir (secara rela hati) dan meminta demikian adalah kafir. Contoh hukuman yang ada kaitan dengan individu atau peribadi ialah tuduhan kafir yang ditujukan kepada individu tertentu daripada mana-mana golongan tadi, maka wajiblah diselidiki terlebih dahulu kedudukan dan sikap orang yang akan disifatkan dengan hukuman kafir tersebut.<sup>10</sup>

## TAKFIR DALAM MASYARAKAT MELAYU

Ulama Melayu pada zaman silam pernah membahaskan persoalan takfir dengan membincangkan secara umum batas-batas iman dan kufur atau perkara-perkara yang membawa kepada kekufturan setelah mereka menjelaskan tuntutan iman dan Islam. Di antara karya mereka ialah *Ward al-Zawāhir li ḥilli al-Fāz ‘iqdī al-Jawāhir* oleh Syeikh Daud Fatani (1769-1847M); kitab *Farīdah al-Farā’id* (1895M) oleh Syeikh Ahmad Fatani; kitab *al-Durr al-Thamīn* (1816), kitab *‘Aqīdah al-Najīn* (1890M) oleh Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani dan kitab *Safīnah al-‘Awām* oleh Haji Ahmad Haji Rauf (1856-1928M).<sup>11</sup> Di samping itu, ulama kontemporari, sama ada dari Timur Tengah, India, Pakistan dan Malaysia mengambil pendekatan menjelaskan batas-batas iman dan kufur ketika berhadapan dengan pengaruh sekularisme dan gejala kekufturan yang melanda masyarakat Islam kini. Karya-karya terjemahan berciri demikian mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu,

<sup>10</sup> Lihat Sheikh Yūsuf al-Qaradāwī (1988), *Gejala Kafir-mengkafir*, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 20.

<sup>11</sup> Lihat penulisan ulama Melayu tentang Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah dalam Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* Jil. 1, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 13-17.

<sup>12</sup> Lihat misalnya, Sa‘id Hawwa (1982), *Batas-batas Iman dan Kufur* (terj.), Kuala Lumpur: ABIM; ‘Abdul Rahman Khaliq (1984), *Garis Pemisah Antara Kufur dan Iman*, (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam; ‘Abdul ‘Aziz bin Baz (1984), *Perkara-Perkara*

terutamanya pada era 1980-an.<sup>12</sup>

Sebenarnya, isu takfir mula dipolemikkan secara meluas di kalangan masyarakat Melayu selepas era penjajahan, terutamanya setelah wujud pelbagai parti di kalangan masyarakat Melayu. Sebilangan ahli agama menggunakan pendekatan takfir sebagai satu cara untuk mengalahkan lawannya dalam persaingan politik kepartaian. Dalam sejarah perkembangan politik Melayu, ahli-ahli agama atau ulama PAS pernah menggunakan pendekatan takfir berhadapan dengan parti Perikatan (kemudiannya UMNO), terutamanya berhubung dengan isu perlantikan orang kafir sebagai pemimpin umat Islam, pemisahan agama dan politik, ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh kekafirah, perlembagaan *tāghūt* dan sebagainya.

Di antara tokoh terawal yang membawa isu takfir ialah Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (dikatakan wakil PAS di Makkah) pada tahun 1954. Beliau membawa isu haram melantik pimpinan bukan Islam sebagai pemimpin orang Islam dalam kitabnya, *Islam: Ugama dan Kedaulatan*.<sup>13</sup> Kitab tersebut dilarang edarannya kerana dianggap mengancam kerajaan Perikatan yang mengamalkan polisi perkongsian kuasa dengan bukan Islam dalam memerintah negara. Kitab berkenaan menegaskan hukum bahawa haram berkongsi dengan orang kafir dalam memerintah umat Islam. Kitab tersebut juga menyiaran polemik mengenai isu tersebut antara Syeikh Abdul

---

*Yang Membatalkan Iman dan Islam*, Kuala Lumpur: Gedung Hidayah; *idem* (1986), *Aqidah Sahih Aqidah Kufur* (terj.), Alor Setar: Pustaka Ikhwan; Abu A'la al-Mawdudi (1984), *Islam dan Jahiliyah*, (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam; Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi (1983), *Gejala Riddah: Mengapa Tidak Ada Abu Bakar Memeranginya*, (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar; Kalim Siddiqui (1985), *Politik Islam dan Kufur*, Kuala Lumpur: The Open Press. Corak penulisan demikian mempengaruhi pula penulis-penulis dan penerbit-penerbit tempatan menerbitkan karya-karya yang bercirikan demikian misalnya; Sanusi Daeng Mario (1985), *Batas-Batas Iman dan Kufur*, Kuala Lumpur: Pakatan PAS; Abdullah al-Qari Haji Salleh (1987), *Analisa Dua Kalimah Syahadah dan Sebab Kufur dan Murtad*, Kota Bharu: Pustaka ASA; *idem*, (1983), *139 Amalan Jahiliyah dan Perbandingan Manusia Kini*, Kota Bharu: Pustaka ASA; Hamdan Muhammad (1986), *Siapakah Taghut*, Kuala Terengganu: Pustaka Damai; Ramli Awang (1984), *Taghut dan Penyelewengan Masjid*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Irgan; Abdul Hadi Awang (1984), *Hizbulah dan Hizbus-Syaitan*, Kuala Terengganu: Penerbitan Gedung Ummah; Nik Aziz Nik Mat (1996), *Pemisah Antara Iman dan Kufur*, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.

<sup>12</sup> Pandangan beliau berdasarkan tafsiran ulama tafsir seperti al-Zamakhsyari dan al-Khāzin berhubung dengan ayat-ayat 51 dan 57 dlm. surah al-Ma'idah; ayat 144 surah al-Nisa'. Lihat Abdul Qadir bin Abdul Mutualib al-Indonesia al-Mandili (1379H), *Islam: Ugama dan Kedaulatan*, Kaherah: Matba'ah al-Anwār, h. 35-41.

Qadir al-Mandili dengan Haji Abdul Rahman Merbok, Ghazali Bedong dan rakan-rakannya yang mempertahankan pengharusan ulama Perikatan berkongsi dengan orang kafir memerintah orang Islam. Polemik tersebut disiarkan secara bersiri dalam *Warta Negara*.<sup>14</sup>

Dalam polemik tersebut, Tuan Guru Haji Abdul Rahman Merbok dan rakannya Haji Ghazali Yasin mempertahankan pendirian bahawa kerjasama orang Islam dengan bukan Islam dalam pemerintahan negara tidaklah bercanggah dengan ajaran Islam. Hujah mereka ialah persyarikatan yang ditegah oleh Islam adalah dengan kafir *harbi* atau persyarikatan yang boleh menjelaskan kedudukan umat Islam dan agama Islam.<sup>15</sup> Pandangan demikian telah disanggah dengan keras oleh Abdul Qadir al-Mandili. Menurut beliau, ulama besar seperti Ibn Kathîr, Abû Hayyân al-Andalûsî dan ‘Ali al-Shabramalisi menegaskan bahawa Islam melarang orang beriman bekerjasama dengan orang kafir (walaupun *zimmi*) dalam pentadbiran kerajaan Islam.<sup>16</sup>

Pandangan keharusan bekerjasama dengan bukan Islam dalam urusan mentadbir negara terus dipertahankan oleh parti UMNO hingga kini. Dalam mengukuhkan hujah mereka berhadapan dengan parti PAS, mereka mengambil pandangan Ketua Dewan Ulama PAS (sekarang menjawat jawatan Mursyidul Am PAS), Nik Aziz Nik Mat yang pernah berpendirian bahawa penyertaan partinya dalam kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1974 adalah harus hukumnya. Berhubung dengan persoalan pemisahan agama daripada politik, mereka berhujah bahawa tidak timbul pengasingan antara politik dan agama dalam pemerintahan Barisan Nasional kerana sistem siasah negara ini beroperasi di bawah Raja-Raja Melayu beragama Islam. Berhubung dengan ayat 44, 45 dan 47 dalam surah *al-Mâ'idah* yang menyentuh mengenai implikasi tidak melaksanakan hukum Islam yang boleh membawa kepada kekafiran atau kefasikan atau kezaliman, mereka menyatakan bahawa tafsiran ayat-ayat tersebut hanya diberi penekanan kepada makna lahiriah semata-mata. Ayat-ayat berkenaan tidak memaksudkan golongan tertentu. Berhubung dengan Perlembagaan Malaysia pula, mereka berpendirian, ia bukan perlombagaan *tâghût*, tetapi perlombagaan yang membolehkan pengembangan dan pelaksanaan nilai-nilai Islam seperti

<sup>14</sup> Lihat *Warta Negara* keluaran 18/7/1379H, h. 35, 43, 45 dan 47.

<sup>15</sup> Lihat jawapan Haji Ghazali Bedong dlm. *Warta Negara* keluaran 18/12/1959.

<sup>16</sup> Lihat *Warta Negara* keluaran 18/7/1379; juga, al-Mandili, *Islam: Ugama dan Kedaulatan*, h. 52.

<sup>17</sup> Untuk mendapat keterangan lanjut tentang hujah Malaysia sebagai sebuah negara Islam, lihat misalnya Hj Mohd. Zubir Hj Awang (1999), *Huraian Negara Islam dan Negara Kafir*, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd, h. 11.

penubuhan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan pelaksanaan ekonomi Islam. Malah mereka mendakwa Malaysia adalah sebuah negara Islam.<sup>17</sup>

Sebenarnya isu takfir dalam politik bukanlah dasar dan pendirian parti PAS kerana pimpinan utama PAS seperti Zulkifli Muhammad, Dr. Burhanuddin Helmy, Dato' Asri Muda, Yusuf Rawa dan Dato' Fadzil Noor tidak pernah mengemukakan isu berkenaan dalam siri ucapan dasar mereka. Mereka sendiri menafikan meng-kafirkannya UMNO. Dato' Asri dalam bukunya *Memoir Politik* menegaskan bahawa isu takfir tidak pernah dibahaskan di peringkat pusat dan bahagian manapun oleh Dewan Ulama PAS untuk diambil ketetapan mengenainya.<sup>18</sup> Namun demikian, sebilangan ulama PAS terbukti mengambil pendekatan takfir dalam pertembungan antara parti politik Islam (PAS) dengan parti politik kebangsaan (UMNO), kemudian pihak lawan (UMNO) mendakwa bahawa mereka dikafirkannya oleh PAS berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Melayu, terutamanya di Kelantan dan Terengganu.

Pada awal tahun 1961, isu kafir-mengkafir menjadi semakin meluas berikutan pengedaran buku *Beberapa Mutiara Yang Bagus Lagi Indah* oleh Sheikh Abdul Qadir al-Mandili. Penulis berkenaan mengharamkan perkongsian kuasa dengan orang bukan Islam dalam kehidupan bernegara.<sup>19</sup> Seterusnya pada tahun 1963, Tuan Guru terkenal dari Pasir Mas, Haji Omar Daud (seorang ahli Jawatankuasa Ulama PAS) dan beberapa ulama pondok lainnya mengharamkan pakatan politik dengan orang bukan Islam dalam pemerintahan negara Islam.<sup>20</sup> Pendirian tokoh-tokoh agama tersebut memberi implikasi ke atas kehidupan beragama dan sosial masyarakat Melayu seperti haram memakan sembelihan orang Perikatan atau UMNO, tidak sah pernikahan dengan ahli parti tersebut dan menjadi kesalahan menyembahyangkan mayat anggota parti tersebut.

<sup>18</sup> Lihat Asri (1993), *Memoir Politik Asri*, Bangi: Penerbit UKM, h. 112. Berbeza dengan ABIM yang menyentuh secara langsung persoalan takfir dan mengambil pendirian sebagai pendakwah bukan penghukum serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaiannya. Lihat misalnya, Sidiq Fadil, "Da'i: Pembina Aqidah Pembangun Ummah" dlm. *Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-13* pada 7 Disember 1984, UKM, Bangi. ABIM turut menerbitkan buku-buku yang menyentuh persoalan tersebut dan bagaimana menanganinya seperti buku Yusuf al-Qaradawi (1984), *Kebangunan Islam Di Antara Tantangan dan Ekstrimisme*, terj. Muhammad Rivai Batubara, Kuala Lumpur: ABIM. Hasan Hudaibi (1985), *Pendakwah Bukan Penghukum*, Kuala Lumpur: ABIM. Buku-buku berkenaan dijadikan bahan kajian dalam usrah dan tamrin ABIM seluruh negara.

<sup>19</sup> Lihat Mohamad Abu Bakar, "Konservatisme, Kafir Mengkafir dan Konflik Kepartian Melayu" dlm. *Pemikir Julai-September 2000*, h. 128.

<sup>20</sup> Pengharaman mereka berdasarkan ayat al-Qur'an; 28 dari surah al-Ma'idah.

Pengaruh kafir-mengkafir merebak di kalangan masyarakat Melayu, terutamanya di Terengganu, Kedah dan Perak Utara. Daerah Besut di Terengganu adalah daerah yang paling terkenal dengan isu kafir-mengkafir. Oleh itu, sebagai langkah membendung perpecahan terus merebak dalam masyarakat Melayu, maka Jawatan Kuasa Tetap Agama bagi Majlis Raja-Raja Melayu mengeluarkan fatwa melarang kafir-mengkafir sesama umat Islam. Namun demikian, isu takfir berkembang semula pada tahun 1964 dan 1969, kemudian isu tersebut dipolemikkan oleh kalangan parti politik Melayu, terutamanya menjelang pilihan raya pada tahun 1978, 1981, 1985, 1990, 1995 dan 1999. Oleh itu, jelas terbukti bahawa fenomena kafir-mengkafir ini giat dipolemikkan untuk tujuan kepentingan politik. Keadaan ini bertambah buruk apabila ia diperbesar-besarkan oleh media massa.

Isu kafir-mengkafir menimbulkan pelbagai fitnah yang membawa implikasi kepada krisis aqidah, amalan dan akhlak umat Islam. Fitnah kafir-mengkafir mungkin berpunca sebilangan dari tafsiran yang tidak tepat terhadap ajaran Islam itu sendiri. Di antara fitnah kafir-mengkafir ialah; pertama; kafir kerana terikat dengan orang kafir yang memerintah negara. Kedua; kafir kerana tidak menjalankan hukum Allah sepenuhnya. Ketiga; kafir kerana memisahkan agama dengan kehidupan. Keempat; kafir kerana kerajaan sekarang *tāghūt*. Kelima; kafir kerana perjuangan kebangsaan Melayu (Nabi tidak mengaku umat). Fitnah kafir-mengkafir melibatkan juga penafsiran beberapa ayat al-Qur'an yang bertujuan mengkafirkhan golongan tertentu, sedangkan ayat-ayat tersebut adalah bersifat umum.<sup>21</sup>

Isu kafir-mengkafir menjadi reda apabila PAS menyertai Barisan Nasional (1974-1977). Keadaan ini terjadi mungkin kerana golongan politik tidak menggunakan pendekatan radikal tetapi mengambil pendekatan sederhana seperti bekerjasama dan berbincang dalam menyelesaikan masalah umat Islam. Penyertaan PAS tersebut mengurangkan ketegangan politik dalam masyarakat Melayu, malah suatu kejayaan telah dicapai hasil daripada kemasukan tersebut iaitu terbentuknya

<sup>21</sup> Untuk lebih lanjut lihat, *Fitnah Kafir-mengkafir Sesama Islam*, Kota Bharu: Persatuan Kadi-kadi Negeri Kelantan (1981); Khulasah dari , *Carilah Kebenaran Fitnah Kafir-mengkafir Sesama Islam*, Kuala Terengganu: Jawatan kuasa Kemajuan dan Penerangan Agama, 1982; Azmi Mohd Ali, "Isu Kafir-mengkafir dan Pindaan Ke Atas Kanun Keseksaan dan Kanun Acara Jenayah," Kertas Projek, Universiti Malaya, Fakulti Undang-Undang, 1983/1984; Mohamad Abu Bakar, "Konservativisme, "Kafir-mengkafir" dan "Konflik Politik Kepartian Melayu" dlm. *Pemikir*, Julai-September 2000; "PAS tidak pernah mengkafirkhan UMNO?" *Utusan Malaysia*, 14 April 2000.

<sup>22</sup> Azzam Tamimi menyenaraikan Malaysia sebagai kejayaan Islam dalam perkongsian kuasa antara politik Islam dengan politik kebangsaan. Lihat Azzam Tamimi (ed.) (1993), *Power-Sharing Islam*, London: Liberty BM Freedom, h. 109-124.

Barisan Nasional dan berlakunya program penerapan nilai-nilai Islam dalam kerajaan.<sup>22</sup> Di samping itu, PAS berpeluang menyebarkan pengaruh politiknya di Institusi Pengajian Tinggi yang telah sedia berkembang gerakan dakwah di kalangan pelajar yang memperjuangkan kebenaran dan keadilan melalui pendekatan dakwah. Pimpinan pelajar Islam ketika itu tidak yakin dengan pendekatan pemerintah yang dianggap masih tidak bebas daripada pengaruh sekularisme.<sup>23</sup> ABIM sebagai gerakan dakwah yang dianggap berpengaruh ketika itu tidak bersetuju dengan penyertaan PAS dalam Barisan Nasional kerana tindakan demikian dianggap bersekongkol dengan aliran sekularisme. ABIM mengambil sikap menentang arus sekularisme dengan tidak melalui wadah parti politik.<sup>24</sup>

Masyarakat Melayu menerima landaan pengaruh kebangkitan Islam dari Timur Tengah sekitar akhir tahun 1970-an dan tahun 1980-an. Pada ketika itu, isu kafir-mengkafir menjadi isu utama dalam persaingan parti politik Melayu-Islam. Takfir menjadi satu pendekatan para pendakwah, terutamanya kalangan yang terlibat dengan parti politik Islam. Pendekatan tersebut dikatakan berpunca dari pengaruh gerakan Islam Timur Tengah, terutamanya al-Ikhwan al-Muslimun di Mesir. Keseluruhan gerakan Islam di sana menghadapi tantangan hebat daripada rejim pemerintah mereka dan mereka terpaksa bergerak secara sulit dan terhad kerana sentiasa diawasi oleh pemerintah. Di antara kesan tekanan tersebut ialah lahirnya gerakan radikal sebagai reaksi ke atas tekanan yang ekstrem. Di samping itu, berkembang pula ‘pemikiran radikal’ sebagai satu aliran dalam gerakan Islam di sana.

Pemikiran Islam demikian mempengaruhi pemikiran gerakan dakwah di sini melalui karya-karya gerakan Islam Timur Tengah yang diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Karya-karya demikian tersebar secara meluas di Malaysia dan menjadi bahan bacaan kalangan para aktivis dakwah sekitar 1970-an dan 1980-an. Selain itu, pengaruh pemikiran radikal dan pendekatan takfir meningkat di kalangan para aktivis gerakan dakwah dan politik Islam akibat dari pengaruh revolusi Islam Iran. Keadaan ini dapat dikesan<sup>25</sup> melalui tersebarnya penggunaan istilah-istilah yang bercorak radikal oleh para aktivis politik Islam seperti *kafir*, *tāghūt*,

<sup>23</sup> Terdapat sekitar 60-70 peratus pelajar Melayu terlibat dengan dakwah pada pertengahan dan akhir 1970-an. Ada empat kumpulan yang giat dengan dakwah di kampus-kampus iaitu kumpulan Republik Islam, Arqam, Tabligh dan ABIM. Kumpulan Republik Islam bertujuan menukuhkan Republik Islam ala Iran di Malaysia dan dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan PAS. Lihat Zainah Anwar (1990), *Kebangkitan Islam di Kalangan Pelajar*, Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd., h. 67-69.

<sup>24</sup> Lihat Ibnu Hasyim (1993), *PAS Kuasai Malaysia?*, Kuala Lumpur: GG Edar, h. 258.

<sup>25</sup> Lihat Zambry Abd Kadir (1995), “*Religion and Politics: The Search For Political Legitimacy of the Pan-Islamic Party of Malaysia*,” Ph.D Thesis, Temple Univ., h. 311-319.

Isu Kafir-mengkafir: Implikasinya Dalam Perkembangan Politik dan Sosial Melayu  
*mustakbirin, la syarqiyah la gharbiyyah, Islāmiyyah*, kezaliman lawan keadilan, iman lawan kufur, *hizbullah* lawan *hizbu al-syaitān*, PAS lawan UMNO.

Gejala kafir-mengkafir yang berlaku di kalangan aktivis gerakan Islam Timur Tengah berpunca dari pemikiran radikal yang dicetuskan oleh para pemikir gerakan Islam seperti Sayid Qutb yang terkenal dengan karyanya *Ma‘alim Fi al-Tariq* dan *Tafsīr fi Zilāl al-Qur’ān*. Sa‘id Hawa dengan kitabnya *Jundullāh; Thaqāfatan wa Akhlāqan*. Sementara itu, ada pandangan yang mengesani bahawa pemikiran al-Maududi dalam bukunya, *al-Muṣṭalahāt al-‘Arba‘ah fi al-Qur’ān*,<sup>26</sup> terutamanya berhubung dengan konsep *ḥākimiyah* dianggap menjadi punca utama kelahiran pemikiran radikal dalam gerakan Islam. Selanjutnya pemikiran tersebut dikembangkan oleh Sayid Qutb melalui karya-karyanya yang tersebut di atas.

Pemikiran al-Maududi dalam buku tersebut telah dikritik dengan tajam, kemudian dibuat koreksi dengan penuh hikmah dan ukhuwwah oleh Abu al-Hasan ‘Alī al-Nadwī dalam kitabnya *al-Tafsīr al-Siyāsī li al-Islām*.<sup>27</sup> Al-Nadwī berpendirian bahawa pandangan beliau (al-Maududi) terlalu berorientasikan politik sehingga boleh menimbulkan kekeliruan yang serius tentang hakikat Islam, terutamanya dalam persoalan *ḥākimiyah* (penghakiman hanya milik mutlak Allah) dan penekanan yang berlebihan ke atas hubungan *ḥākim-mahkūm* sebagai hubungan asas antara Tuhan dan manusia. Hasan Huḍaybi (Murshid ‘Am al-Ikhwan al-Muslimun) juga bersependingirian dengan al-Nadwī bahawa penonjolan konsep *ḥākimiyah* lebih berorientasikan politik. Beliau sendiri telah menghasilkan kitabnya yang terkenal iaitu *al-Du‘āh la Qudāh*<sup>28</sup> (Pendakwah Bukan Penghukum) bagi mempertahankan bahawa pendekatan dakwah adalah lebih selamat dan tepat menurut kehendak dakwah *bi al-hikmah* daripada mengambil pendekatan menghukum yang menjadi aliran radikal sebilangan aktivis gerakan Islam di Mesir ketika itu.

Pada dekad 1980-an, dimensi takfir banyak dihubungkan dengan kegagalan pemerintah melaksanakan hukum hudud. Pemerintah menghayati ideologi sekular, perlembagaan negara disifatkan sebagai *ṭāghūt* dan istilah *mustakbirin* diberi gelaran kepada pemerintah yang menentang tertubuhnya negara Islam. Isu Amanat Haji Hadi Awang dituduh sebagai faktor yang menyebabkan berlakunya gejala takfir yang kemudiannya dituduh pula sebagai punca perpecahan masyarakat Melayu dalam

<sup>26</sup> Abu al-A‘la al-Maududi (1969), *al-Muṣṭalahāt al-‘Arba‘ah fi al-Qur’ān: al-Ḥaḥ, al-Rabb, al-‘Ibādah, al-Dīn*, Kuwait: al-Dār al-Kuwaytiyah.

<sup>27</sup> Lihat Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Nadwī (1980), *al-Tafsīr al-Siyāsī li al-Islām*, Kaherah: Dār Ḵafāq al-Ghad, h. 73-79.

<sup>28</sup> Lihat Hasan Huḍaybi (1977), *Du‘āh La Qudāh*, Kaherah: Dār al-Tabā‘ah wa al-Nasyr al-Islāmī.

politik. Malah tragedi berdarah di Memali pada penghujung tahun 1986 dihubungkan dengan Amanat Haji Hadi Awang. Pimpinan PAS menafikan bahawa mereka mengkafirkan UMNO, sebaliknya UMNO pula mensabikannya. Isu ini terus dipolitikkan walaupun pimpinan PAS berulangkali menegaskan bahawa isu berkenaan sudah selesai dan dianggap sebagai lapuk dan PAS tidak lagi mengambil pendekatan demikian, terutamanya selepas memerintah Kelantan dan Terengganu. PAS mula mengambil pendekatan sederhana dalam politik dengan membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan berjaya menawan Kelantan pada tahun 1990. Seterusnya, PAS pula boleh bekerjasama dengan DAP, PRM dan KeADILan dalam pembentukan Barisan Alternatif. PAS sanggup pula menggugurkan istilah ‘negara Islam dan hudud’ dalam manifesto bersama Barisan Alternatif menjelang pilihan raya 1999.

## PUNCA UTAMA KAFIR MENGKAFIR

Sebagai langkah untuk mengelak penyakit kafir-mengkafir dari membentuk peribadi ekstrem yang digelar sebagai “kufur eyes”<sup>29</sup> dan kumpulan takfir yang meruntuhkan aqidah umat, maka perlulah dikaji punca kenapa tercetusnya gejala demikian. Mengenalpasti punca dapat memudahkan jalan penyelesaian atau paling tidak dapat meredakan ketegangan isu berkenaan, walaupun ia agak sukar untuk diselesaikan sepenuhnya. Dari sudut ilmiah, beberapa tokoh pemikir dakwah mencadangkan beberapa langkah penyelesaian seperti Hasan Huḍaybi, Yūsuf al-Qaradāwī, Muhammad al-Ghazālī dan Muṣṭafa Masyhūr. Rata-rata tokoh berkenaan menilai perkembangan gejala tersebut sebagai berpunca dari faktor dalaman yakni penyelewengan faham Islam yang sebenar. Mereka juga tidak menafikan faktor luaran seperti tekanan atau penindasan rejim pemerintah yang mencetuskan tindakan reaksi dalam bentuk pemikiran dan aksi politik yang radikal dan ekstrem.

Hasan al-Banna misalnya, pernah mengingatkan para pendukung dan penyokong al-Ikhwan al-Muslimun tentang bahayanya gejala takfir berpuluhan-puluhan

<sup>29</sup> Istilah tersebut diperkenalkan oleh Dr. Alijah Gordon, Pengurus Malaysia Sociological Research Institute yang bermakna sepasang mata yang sentiasa tajam untuk mengkafirkan seseorang. Lihat Ahmad Azam Abdul Rahman, *Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-29*, Dewan al-Malik Faisal, Petaling Jaya, pada 31 Ogos, 2000, h. 14; Menurut Ahmad Azam pemikiran Qutubi (Sayid Qutb) yang membelah umat kepada dua iaitu Islam atau jahiliyah mengakibatkan masyarakat Islam menjadi keliru kerana tiada siapa yang sanggup dituduh kafir atau jahiliyah oleh sesiapa pun. Malah pemikiran tersebut menyumbang kepada pembinaan watak-watak “pendakwah” yang kasar, garang dan semborono.

tahun sebelum munculnya pemikiran tersebut. Beliau memberi penekanan agar para belia tidak terburu-buru untuk ‘memetik buah sebelum betul-betul masak’ dalam perjuangan menegakkan Islam. Beliau memberi garis panduan dalam persoalan takfir dengan katanya (yang bermaksud);

“Kita tidak mengkafirkhan seseorang Islam yang mengucap dua kalimah syahadah dan beramal dengan tuntutannya, hanya disebabkan pandangan peribadi atau sesuatu maksiat kecuali dia mengakui dengan kalimah kufur atau mengingkari perkara-perkara yang maklum dalam perkara agama atau mendustai sesuatu yang jelas dalam al-Qur'an atau menafsirkan al-Qur'an dalam bentuk yang tidak dapat diterima oleh *uslūb* Bahasa Arab sama sekali atau melakukan sesuatu perkara yang tidak boleh ditafsirkan melainkan kafir.”<sup>30</sup>

Dalam sejarah perkembangan agama dan politik masyarakat Melayu, fenomena kafir-mengkafir muncul selepas kedatangan penjajah, terutamanya selepas kewujudan parti-parti politik Melayu. Pemikiran dualisme dalam politik atau depolitisasi yang ditinggalkan oleh penjajah telah melahirkan dua aliran pemikiran politik yang bertentangan antara golongan ‘elit pemerintah’ dengan golongan ‘Islamis’. Pertentangan mereka kemudiannya terjelma dalam parti-parti politik yang mereka dokongi.

Faham dan amalan pemisahan politik daripada negara tersebut telah menimbulkan reaksi yang ‘radikal’ dari kalangan Islamis. Pihak Islamis menggunakan slogan ‘ad-Din wa ad-Dawlah’ dalam perjuangan mereka menegakkan negara Islam. Selanjutnya, pada zaman kebangkitan Islam para aktivis dakwah menggunakan slogan ‘Islam sebagai ad-Din’ dalam perjuangan mereka menentang arus kebangkitan sekularisme. Sebilangan para aktivis dakwah dan politik Islam mengambil pendekatan takfir sebagai satu cara atau langkah (yang mudah) berhadapan dengan golongan yang dianggap sekular ketika itu.

Al-Qaradāwī mengaitkan pendekatan takfir yang diambil oleh sebilangan aktivis gerakan Islam dengan gejala ekstrem dalam berdakwah. Beliau menghuraikan sebab-sebab ekstrem, antaranya ialah kelemahan *baṣīrah* (persepsi) terhadap hakikat Islam, berlebih-lebihan dalam mengharamkan, kekeliruan faham terhadap syariat, mengikuti *mutasyābiḥāt* (samar) dan meninggalkan *muḥkamāt* (jelas), mengambil ilmu daripada sumber al-Qur'an sahaja, krisis keyakinan terhadap ulama, serangan yang nyata atau konspirasi ke atas umat Islam, menyekat kebebasan berdakwah dan kekejaman para

<sup>30</sup> Lihat Hasan al-Bannā (1991), *Majmū‘ al-Rasā'il*, Kaherah: Dār al-Syihāb, h. 359.

penguasa terhadap para pendakwah.<sup>31</sup>

Al-Qaradāwi turut menerangkan empat sebab utama timbulnya fenomena takfir dalam masyarakat Islam. Pertama; tersebarnya secara meluas gejala-gejala kekuatan dan murtad dalam masyarakat Islam secara terang-terangan. Kedua; terdapat sebilangan ulama yang cuai dalam tanggungjawab mereka mencegah gejala murtad tersebut. Ketiga; pemikir Islam dan para pendakwah yang berpegang kuat dengan al-Qur'an dan al-Sunnah ditindas oleh rejim pemerintah yang ganas. Keempat; kecetekan dalam memahami ilmu fekah, usul fekah dan ilmu-ilmu Islam yang lain oleh sebilangan para pendakwah menyebabkan mereka mengeluarkan 'fatwa' tanpa ilmu yang sebenarnya.<sup>32</sup>

Dalam era kebangkitan Islam di Malaysia, gejala takfir menurut keterangan Dato' Asri Muda adalah bermula apabila PAS tersingkir daripada Barisan Nasional. Ia berpunca daripada golongan muda yang tidak puas dengan pendekatan golongan tua yang mengambil pendekatan sederhana.<sup>33</sup> Oleh itu, golongan muda yang mendapat pengaruh revolusi Iran dan pengaruh pendidikan atau tarbiyah gerakan Islam ala Ikhwan al-Muslimun telah berjaya menyingsirkan 'golongan tua' dalam parti politik PAS. Golongan tersebut kemudiannya dikatakan mengambil pendekatan kafir-mengkafir dan ala revolusi Islam Iran bagi menggempur golongan Nasionalis yang mereka dakwa sebagai golongan 'asabiyah-sekular'.<sup>34</sup>

## PERPECAHAN MASYARAKAT MELAYU

Amanat Haji Hadi Awang pernah dituduh sebagai punca berlakunya perpecahan masyarakat Melayu di Malaysia.<sup>35</sup> Apa yang disebut sebagai amanat itu adalah

<sup>31</sup> Lihat al-Qaradāwi (1984), *Kebangunan Islam Di antara Tantangan dan Ekstremism*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 175-180.

<sup>32</sup> Lihat, *Idem* (1988), *Gejala Kafir-mengkafir*, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 20.

<sup>33</sup> Lihat "Isu Kafir-mengkafir dan Revolusi Iran" dlm. *Memoir Politik Asri*, h. 112-114.

<sup>34</sup> Lihat "Menggempur Pemikiran 'Asabiyah'" dlm. Yusof Rawa, Fadzil Noor (1995), *Membina Ketahanan Ummah*, Kepala Batas: Dewan Muslimat Sdn Bhd., h. 49.

<sup>35</sup> Di antara kenyataan Haji Abdul Hadi yang dikatakan mempunyai unsur takfir ialah, "...Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati Islam. Kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Buddha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku. Kalau kita mati melawan puak-puak ini (UMNO), mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam. Adakah kita takut untuk mati syahid?"

ucapan biasa Haji Hadi Awang di Kampung Banggol Peradong pada tahun 1981. Ia bukan amanat kerana dinafikan sendiri oleh Haji Hadi Awang. Ia juga bukan fatwa kerana ia tidak dikeluarkan oleh mana-mana Majlis Fatwa. Sebenarnya, ucapan itu disusun dan dinamakan sebagai amanat oleh seorang yang bernama Omar Khalid, kemudian dicetak dalam bentuk poster untuk dijual kepada orang awam, terutamanya kepada ahli-ahli PAS dan penyokongnya. Pimpinan PAS tidak pula melarang jualan dan edaran ‘amanat’ tersebut, seolah-olah ia menggambarkan pendirian atau polisi parti PAS ke atas UMNO. Suatu yang tidak dapat dinafikan bahawa kelahiran ‘amanat’ tersebut, adalah ketika rata-rata para pendakwah ketika itu lebih cenderung menggunakan pendekatan takfir akibat daripada pengaruh kebangkitan Islam di Timur Tengah.

Realiti perpecahan masyarakat akibat dari gejala takfir memang nyata berlaku, terutamanya selepas PAS disingkirkan oleh Barisan Nasional. Beberapa tempat di Terengganu dan Kelantan khususnya telah muncul beraneka kejadian seperti anak berpecah dengan bapa, suami isteri berkelahi, masyarakat terbelah kepada UMNO dan PAS, berlaku sembahyang dua imam, lahir dua masjid semukim, wujud kubur berasingan, pemulauan kenduri-kendara, mati relai dan sakit demam dan gejala tidak lagi menjenguk silai antara satu sama lain dalam sesebuah kampung. Takfir dikatakan punca terjadinya perpecahan tersebut. Dalam satu kajian kes di daerah Besut, para pengkaji mendapati bahawa gejala takfir adalah implikasi dari layanan yang tidak adil terhadap kalangan rakyat yang menyokong PAS oleh pihak tertentu dalam parti pemerintah seperti tindakan JKK yang menganaktirikan penyokong parti pembangkang dalam pengagihan subsidi kerajaan.<sup>36</sup>

Pada pilihan raya November 1999, pendekatan takfir tidak lagi digunakan oleh parti politik Islam (PAS). Isu takfir dan isu negara Islam ternyata tidak menjadi gejala utama dalam pertembungan politik Melayu ketika itu. Pertembungan kali ini lebih tertumpu kepada persoalan isu pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri, penghakiman ke atas beliau di mahkamah, keadilan sosial, kemiskinan, rasuah, dan isu pengurusan ekonomi negara. Pendekatan tersebut hampir sama sepertimana pendekatan dakwah pada awal dekad 1970-an. Analisa pilihan raya tahun 1999 membuktikan bahawa punca utama kebangkitan pengaruh PAS di kalangan masyarakat Melayu kali ini adalah kerana ketepatan PAS memilih isu dan pendekatan yang digunakan agak moderat, sesuai dengan watak Melayu yang kuat menunjukkan simpati terhadap sebarang bentuk penganiayaan. Sebagai buktinya, isu lebam mata (Anwar Ibrahim dibelasah oleh Ketua Polis Negara) sebenarnya mempengaruhi sebahagian besar para pengundi, terutamanya orang-orang

<sup>36</sup> Lihat Mohamad Salleh Lamry, *Konflik Politik UMNO dan PAS: Kajian Kes di Daerah Besut Terengganu*, Terbitan Tak Berkala Dunia Melayu No.4, UKM, Bangi 1994, h. 68-69.

Melayu.<sup>37</sup> Kenyataan demikian kemudiannya diakui benar oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

## KETEGANGAN POLITIK

Takfir dikatakan menjadi sebab berlakunya ketegangan politik dan punca lahirnya gejala radikalisme dalam persaingan mendapatkan pengaruh dalam politik masyarakat Melayu. Pada pertengahan tahun 1980-an, gejala takfir memuncak sehingga menimbulkan reaksi dari bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau mencabar PAS supaya diadakan debat secara terbuka di TV dengan tajuk yang dicadangkan iaitu ‘PAS kata UMNO kafir.’ Hasan Shukri selaku Setiausaha Agong PAS ketika itu menjawab surat UMNO itu dengan mencadangkan sedikit pindaan terhadap tajuk tersebut iaitu ‘UMNO kata PAS kata UMNO kafir’. Namun demikian debat tersebut dibatalkan oleh Yang Dipertuan Agong hasil desakan tokoh-tokoh akademik dan badan-badan dakwah ketika itu. Kemuncak dari drama kafir-mengkafir itu berlaku pula tragedi berdarah Memali pada Nov. 1986. Tragedi berdarah ini boleh dielakkan sekiranya kedua-dua belah pihak mengambil jalan ‘musyawarah’ atau rundingan. Pihak berkuasa tidak sepatutnya segera bertindak menggunakan kekerasan dalam menangani apa yang mereka dakwa sebagai ‘radikalisme’. Salah satu contoh kejayaan pihak kuasa menangani isu radikal ialah isu Dato’ Harun Idris. Bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak tidak menggunakan kekerasan dalam penahanan Dato’ Harun Idris ketika beliau menentang kerajaan secara radikal dalam menangani isu setinggan di Selangor pada tahun 1970-an.

## KE ARAH SUATU PENYELESAIAN

Isu takfir amat sensitif kerana ia benar-benar menyentuh soal aqidah yang boleh membawa penghalalan darah seseorang Islam atau kumpulan semata-mata kerana tuduhan. Ia juga menimbulkan implikasi terputusnya perhubungan nasab antara suami-isteri dengan anak-anak, terlerainya hak pesaka, hak kewarneğaraan di negara Islam dan sebagainya. Oleh itu, isu tersebut wajib ditangani dengan waspada dan cermat oleh semua pihak yang terlibat.

Sebenarnya isu takfir di Malaysia mempunyai pertalian yang rapat dengan pengaruh dan latar belakang gerakan Islam Timur Tengah yang menerima tekanan hebat dari rejim pemerintah. Sebagai reaksinya, sebilangan para aktivis dakwah di sana mengambil pemikiran Islam Sayid Qutb bagi menghadapi kebangkitan

<sup>37</sup> Lihat, Kamarudin Jaffar (2000), *Pilihanraya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia*, Kuala Lumpur: IKDAS, h. 19.

sekularisme. Mereka menafsirkan pemikiran ‘radikal’ beliau kepada ekstremisme yang bercanggah dengan pemikiran asal (sederhana) yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna. Kebanyakan karya yang bercorak radikal menjadi bahan rujukan para pendakwah di Malaysia bagi menghadapi pengaruh sekularisme.

Oleh itu, untuk menangani pengaruh radikal yang melanda gerakan dakwah dan politik Islam, maka perlu ada penyaringan terhadap sebarang bentuk pemikiran yang datang dari luar seperti dari Timur Tengah, India Pakistan dan Indonesia. Penyaringan ini adalah penting bagi tujuan melahirkan ‘manhaj’ tersendiri yang sesuai dengan watak kemelayuan dan bercirikan realiti keMalaysiaan seperti pembentukan ‘*manhaj Mälizi*’ dalam dakwah dan siasah. Di samping itu, perlulah dipertingkatkan penerbitan buku-buku dakwah dan gerakan Islam yang ditulis oleh para pemikir dakwah Melayu.

Gerakan Islam sewajarnya bertindak secara lebih matang dan berani membuat koreksi terhadap pemikiran Islam yang bercanggah dengan nas al-Qur'an dan Hadith. Tokoh-tokoh dakwah tempatan harus mampu bersedia berbeza pandangan dengan tokoh-tokoh gerakan Islam daerah lain dalam persoalan pendekatan menangani isu-isu semasa dan mampu pula berijtihad dalam menyelesaikan masalah setempat kerana mereka lah yang lebih mengetahui hal ehwal setempat. Gerakan Islam patut mengambil pendekatan dakwah yang sederhana, bukan pendekatan menghukum. Pendekatan *muzākarah*, *hiwār* dan *musyāwarah* dalam menyelesaikan permasalahan dakwah dan politik perlu diwujudkan untuk mencari titik persamaan ke arah merealisasikan perpaduan ummah.

Dalam konteks yang sama, kerajaan patut mengambil sikap yang lebih positif dan pendekatan yang lebih demokratik sekiranya inginkan penyelesaian yang sebenar. Kerajaan perlu bersikap lebih terbuka menerima kritikan secara jujur dan menunjukkan ada kesungguhan untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh gerakan Islam, reformis, malah pihak lawan (pembangkang) seperti isu transperensi dalam tindakan, pembasmian rasuah, akauntabiliti, penyalahgunaan kuasa, kebebasan badan kehakiman, keadilan dalam pembahagian ekonomi negara dan keadilan sosial.

Idea atau fikrah mestilah didebatkan dengan fikrah, bukan dengan kekerasan. Kekerasan sudah tentu mengundang permusuhan dan perpecahan. Menurut al-Qaradāwī, pendekatan menggunakan kekerasan untuk membentras idea bukan boleh meredakan keadaan, malah terkadang semakin boleh merebakkan lagi gejala radikalisme itu. Oleh itu, langkah yang terbaik ialah memberi kefahaman dan keterangan secukupnya. Di samping itu, hujah perlu ditegakkan dan kekeliruan mestilah disingkirkan.<sup>38</sup> Inisiatif dari kalangan intelektual dan badan-badan dakwah

<sup>38</sup> Lihat Yūsuf al-Qaradāwī, *Gejala Kafir-mengkafir*, h. 14.

non partisan untuk mempertemukan dua parti Melayu yang terbesar iaitu PAS dan UMNO harus dijatkan. Kejayaan ABIM mempertemukan dua Presiden UMNO dan PAS dalam satu Syaran Perdana Palestin dan Kamanusiaan pada 8 Mei 2002 di Dewan Bahasa dan Pustaka membuktikan bahawa pimpinan Melayu boleh ditemukan dan dibawa berunding demi kepentingan umat Melayu dan Islam.

Demi kepentingan ummah, kemungkinan muzakarah yang melibatkan pimpinan tinggi, pertengahan dan bawahan kedua-dua parti berkenaan boleh diadakan secara tidak langsung tanpa dihebohkan oleh media massa. Kejayaan mempertemukan pimpinan dua parti berkenaan memerlukan orang tengah atau kumpulan bebas yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak. Kumpulan bebas yang dicadangkan hendaklah terdiri dari tokoh-tokoh pemikir umat yang boleh diterima kedua-dua pihak dan mereka memiliki kewibawaan, keiltizaman yang tinggi sebagai ‘penyelesai masalah’, ‘bijak mendengar’, berjiwa pendamai, dihormati dan berpengaruh di kalangan massa. Mereka ini mungkin terdiri dari ahli akademik, pentadbir, pesara, ulama, profesional, pimpinan mahasiswa dan pimpinan pertubuhan bukan kerajaan. Ahmad Azam Abdul Rahman, Presiden ABIM mencadangkan manhaj ‘nasihat’ adalah langkah alternatif yang wajar diketengahkan bagi menyelesaikan kemelut dan merungkaikan persoalan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu.<sup>39</sup>

## Kesimpulan

Isu kafir-mengkafir adalah satu bentuk fitnah kepada umat Islam. Ia mungkin fitnah yang ditimbulkan oleh musuh Islam yang sengaja menimbulkan kebencian terhadap para pendakwah. Fitnah ini sebahagiannya berpunca dari kegelohan segelintir yang berada dalam saf dakwah yang ingin menghidupkan isu ini tanpa bimbingan ilmu. Kemungkinan mereka yang terlibat dengan isu kafir-mengkafir ini terdiri dari kalangan yang kuat menghayati syariat dengan ikhlas. Namun demikian, apabila mereka melihat gejala maksiat dan murtad berleluasa, mereka menggunakan pendekatan demikian untuk tujuan memperbaiki gejala tersebut. Niat baik mereka itu tanpa ilmu yang mendalam sebenarnya memberi ruang kepada golongan yang anti dakwah Islam menuduh golongan dakwah sebagai radikal, ekstrem dan melampau.

<sup>39</sup> Lihat Ahmad Azam Abdul Rahman, “Memadamkan Perseteruan, Menyuburkan Perdamaian” dlm. *Risalah ABIM*, Julai 2000, h. 4-5. Beliau mencadangkan nama kumpulan ini sebagai Paksi Tengah. Ia bersifat terbuka kepada semua peringkat masyarakat dan organisasi tidak terbatas kepada agama dan etnik. Syarat penglibatan ialah kesedaran yang tulus bahawa semua pihak yang berseteru harus kembali kepada prinsip-prinsip agama dan perlembagaan.